

03 SEP 1996

PRESIDEN MALAWI LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Presiden Malawi Dr Bakili Muluzi dijadual tiba pada Khamis untuk lawatan tiga hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala, Wisma Putra mengumumkan hari ini.

Antara antara acara utama lawatan itu ialah majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara kerajaan dan juga memorandum persefahaman antara sektor swasta kedua-dua negara.

Dr Muluzi akan menghadap Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar selain mengadakan perbincangan dengan Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau dijadual menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan Felda serta menyertai satu seminar perniagaan. -- BERNAMA

NI MAI